

Headline	Kerja musnah pokok sawit haram hampir selesai		
MediaTitle	Utusan Borneo Sarawak		
Date	07 Dec 2017	Color	Full Color
Section	News	Circulation	45,554
Page No	13	Readership	136,662
Language	Malay	ArticleSize	90 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 584
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 1,751



Kerja musnah pokok sawit haram hampir selesai

KULIM: Proses memusnahkan baki pokok sawit yang ditanam secara haram di Hutan Simpan Gunung Bongsu kini sudah 80 peratus selesai.

Pegawai Hutan Daerah Kedah Selatan Mohamad Faisal Nasaruddin berkata sebaik kerja-kerja memusnahkan selesai, pihaknya akan memulakan penanaman semula dalam tempoh terdekat.

“Kita jangka, fasa pertama proses penanaman semula di kawasan ceroboh seluas 30 hektar itu akan dimulakan pada bulan ini juga.

“Bagi fasa permulaan ini, kira-kira 300-400 pokok bermutu tinggi seperti meranti akan ditanam di kawasan seluas tiga hektar,” katanya ketika dihubungi Bernama.

Mohamad Faisal berkata penanaman semula fasa pertama itu akan dilakukan secara kerjasama dengan sebuah syarikat melalui program tanggungjawab sosial korporatnya.

Pada 22 Nov lalu, lebih 4,000 daripada 7,500 pokok sawit yang ditanam secara haram di Hutan Simpan Gunung Bongsu dimusnahkan dalam Operasi Penguatkuasaan Bersepadu NBOS Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia - Jabatan Perhutanan Negeri Kedah.
— Bernama